



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	17/12/2019	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JPS / BANJIR			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Temerloh daerah kedua dilanda bah

Kuantan: Temerloh menjadi daerah kedua di Pahang, dilanda banjir selepas Rompin, yang merekodkan keseluruhan 1,028 mangsa daripada 259 keluarga di Pahang, dipindahkan ke 12 Pusat Penempatan Sementara (PPS) setakat jam 12 tengah hari semalam.

Di Temerloh, tiga keluarga membatalkan 19 mangsa kini ditempatkan di Dewan Orang Ramai Kampung Paya Luas, pagi semalam, manakala di Rompin pula, mangsa banjir terus meningkat apabila seramai 1,009 mangsa daripada 256 keluarga dipindahkan setakat jam 12 tengah hari.

Berdasarkan aplikasi maklumat bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), peningkatan ketara itu direkodkan ber-

banding 790 mangsa membatalkan 204 keluarga, kelmarin.

Setakat ini, 11 PPS dibuka di Rompin, iaitu di balai raya Rekoh, balai raya Lintang, Surau Kampung Perpat, Dewan Telok Gading, Tanjung Gemok, balai raya Kampung Sepayang, balai raya Kampung Janglan dan pusat pemindahan banjir Kampung Seraijam.

Selain itu, Sekolah Kebangsaan (SK) Planggu, Dewan Angkat Berat Rompin, SK Sarang Tjong, balai raya Bukit Lepas dan balai raya Kampung Denai.

Hujan berterusan menyebabkan dua sungai di daerah ini juga mencatat peningkatan paras air melepasi paras berjaga-pagi semalam.

Mengikut laporan infoban-

jur:water.gov.my pada jam 11 pagi semalam, Sungai Lembang mencatat 84.68 meter, berbanding bacaan normal 32 meter; manakala Sungai Kuantan di Pasir Kemudi pula 5.3 meter berbanding normal dua meter.

Beberapa sungai lain di daerah ini seperti Sungai Kuantan di Bukit Kenau melebihi paras normal, iaitu 19.96 meter berbanding 17 meter; diikuti Sungai Semantan di Kampung Lengcong, Temerloh merekodkan bacaan 49.48 meter berbanding normal 49 meter.

Sungai Bentong di Kuala Marong, Bentong mencatat bacaan 87.04 meter berbanding paras normal 36 meter, manakala Sungai Triang, Triang di Bera mencatat 33.10 meter berbanding normal 31 meter.

Di Melaka, kurang daripada tempoh 24 jam beroperasi, PPS Bukit Balai yang pertama dibuka di negeri ini susulan banjir petang kelmarin, ditutup semalam.

Ketua Sekretariat Jawatan Kuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), Effendy Ali, berkata semua 13 mangsa daripada tiga keluarga yang ditempatkan di PPS terbahit dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing selepas paras air di Kampung Bukit Balai, Alor Gajah, dekat sini, mulai surut.

"PPS Bukit Balai ditutup selepas semua mangsa terjejas di kampung berkenaan dibenarkan pulang, apabila paras air di kawasan rumah mereka kembali normal," katanya ketika dihubungi NSTP, semalam.